



**TEKS KHUTBAH JUMAAT SEMPENA
HARI TENTERA DARAT KE-88**

**“SINERGI TENTERA DARAT DAN RAKYAT: TUNJANG KEDAULATAN
NEGARA ”**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ , وَهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ

قَالَ تَعَالَى :

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

أَمَّا بَعْدُ , فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

TUAN-TUAN PARA PEWARIS PERJUANGAN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

1. PADA HARI DAN SAAT YANG PENUH KEBERKATAN INI, SAYA MENYERU KEPADA DIRI SAYA DAN SELURUH WARGA TENTERA DARAT, SERTA PARA JAMAAH SEKALIAN UNTUK KITA MENINGKATKAN KETAQWAAN KEPADA ALLAH SWT DENGAN MELAKUKAN APA YANG DIPERINTAHKAN DAN MENINGGALKAN APA YANG DITEGAH. SEBAGAIMANA PESANAN BAGINDA RASULULLAH SAW MELALUI SABDANYA.

أَنْ يُطَاعَ فَلَا يُعْصَى وَأَنْ يُذْكَرَ فَلَا يُنْسَى وَأَنْ يُشْكَرَ فَلَا يُكْفَرُ

MAKSUDNYA: *MENTAATI ALLAH DAN TIDAK MENGINGKARI PERINTAH-NYA. SENTIASA MENGINGATI ALLAH DAN TIDAK MELUPAINYA. BERSYUKUR KEPADANYA DAN TIDAK MENGKUFURI NIKMATNYA.*

TUAN-TUAN PARA PEWARIS PERJUANGAN RAHIMAKUMULLAH.

2. PADA 1 MAC 2021 INI, MAKA GENAPLAH 88 TAHUN USIA TENTERA DARAT MALAYSIA MENABUR BAKTI DI BUMI TERCINTA INI. 88 TAHUN ADALAH SATU TEMPOH WAKTU YANG PANJANG. BERDIRI TEGUHNYA TENTERA DARAT DEMI MEMASTIKAN KEDAULATAN NEGARA TERPELIHARA, TENTUNYA HASIL DARIPADA SUMBANGAN BAKTI SERTA PENGORBANAN PARA PAHLAWAN DAN PEJUANG DENGAN PENUH KEGAGAHAN DAN KESETIAAN, TERUS MENGIBARKAN PANJI-PANJI PERJUANGAN, UNTUK DIWARISI OLEH GENERASI KINI. MEREKA TELAH MELAKARKAN SATU TINTA SEJARAH UNTUK KITA, BERMULA DENGAN

EPIKOD PERJUANGAN MENENTANG PENJAJAHAN JEPUN, DIKUTI DENGAN ERA KONFRANTASI DAN PEPERANGAN MELAWAN INSURGENSI DISUSULI TRAGEDI PENCEROBOHAN DI LAHAD DATU. SEMUANYA ADALAH MANIFESTASI KEBERANIAN, KESETIAAN, KEKENTALAN, KESUNGGUHAN, KESABARAN, KEIKHLASAN SERTA KEBANGGAAN MEREKA, DALAM MEMIKUL AMANAH MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA TERCINTA. MARILAH KITA MERAKAMKAN SEKALUNG DOA SERTA UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH, KEPADA SEMUA PERINGKAT BARISAN KEPIMPINAN TENTERA DARAT YANG TELAH MENINGGALKAN PERKHIDMATAN, DAN RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN YANG TELAH MENDAHULUI KITA, KERANA MEREKALAH YANG TELAH MELAKAR SEJARAH, DAN KINI KITA MENERUSKAN PERJUANGAN YANG TELAH DIBINA.

PARA PAHLAWAN, PEJUANG DAN HADIRIN SEKALIAN.

3. PADA TAHUN INI, TENTERA DARAT MALAYSIA MENYAMBUK ULANG TAHUN PENUBUHANNYA YANG KE 88 BERTEMAKAN **SINERGI TENTERA DARAT DAN RAKYAT: TUNJANG KEDAULATAN NEGARA**. TEMA PADA TAHUN INI SELARAS DENGAN MISI DAN VISI PERINTAH ULUNG PANGLIMA TENTERA DARAT KE 28 YANG BERLANDASKAN PRINSIP 3 P DAN 5 TONGGAK. MEMETIK DARIPADA PERINTAH ULUNG TERSEBUT, PENINGKATAN HUBUNGAN TENTERA DARAT MALAYSIA DENGAN AWAM ADALAH BERSESUAIAN DENGAN KOMITMEN YANG TELAH DIPAMERKAN SELAMA INI. TENTERA DARAT SENTIASA MENGUTAMAKAN KERJASAMA DAN MENJALIN HUBUNGAN YANG BAIK DI ANTARA PIHAK

KERAJAAN DAN MASYARAKAT. TENTERA DARAT JUGA SENTIASA KOMITED DALAM MEMBANTU KERAJAAN DAN RAKYAT, IANYA BUKAN SEMATA-MATA DALAM SITUASI KONFLIK, TETAPI JUGA KETIKA MENGHADAPI BENCANA SAMA ADA BENCANA ALAM ATAUPUN BENCANA KESIHATAN. TENTERA DARAT JUGA SENTIASA BERSIAP SEDIA BEKERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN TERMASUK POLIS DIRAJA MALAYSIA, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA, JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SERTA AGENSI-AGENSI YANG BERKAITAN.

4. PELAKSANAAN OP PENAWAR DAN OP BENTENG ADALAH BUKTI YANG MENUNJUKAN TENTERA DARAT BERGANDING BAHU DALAM MEMBANTU KERAJAAN MALAYSIA UNTUK MEMUTUSKAN RANGKAIAN PENULARAN COVID-19 YANG KITA HADAPI KINI. BUKAN ITU SAHAJA, SETIAP TAHUN TENTERA DARAT MALAYSIA SENTIASA MEMBANTU MANGSA BANJIR BAGI NEGERI YANG TERJEJAS DI BAWAH PELAKSANAAN OP MURNI. HUBUNGAN BAIK SERTA KERJASAMA TENTERA DARAT DAN RAKYAT JUGA DAPAT DILIHAT DALAM PELAKSANAAN PROGRAM JIWA MURNI YANG MANA ANGGOTA TENTERA DARAT MEMBANTU MEMBAIKPULIH RUMAH SERTA KEMUDAHAN AWAM. INI JELAS MENCERMINKAN HUBUNGAN ERAT TENTERA DARAT BERSAMA AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN RAKYAT TIADA PISAHNYA. SEBUAH NEGARA TIDAK MAMPU BERDIRI DENGAN SENDIRI, DALAM ERTI KATA TENTERA DARAT TIDAK MAMPU MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANPA BANTUAN DARIPADA RAKYAT. BANTUAN BUKAN SEKADAR KUDRAT YANG DIBERIKAN, IANYA BOLEH DIZAHIRKAN DALAM PELBAGAI BENTUK. INSYALLAH

DENGAN KERJASAMA YANG ERAT INI, NESCAVA NEGARA KITA AKAN LEBIH MAJU, HARMONI DAN SEJAHTERA DARIPADA ANCAMAN LUAR.

5. OLEH YANG DEMIKIAN, SAMBUTAN YANG DILAKUKAN BUKANLAH SEKADAR PERAYAAN. SEBALIKNYA IA ADALAH SUATU PERINGATAN KEPADA KITA, BAHAWA KEAMANAN YANG DIKECAPI BUKANNYA DATANG BERGOLEK. IANYA ADALAH HASIL PENGORBANAN DENGAN MENGGADAIKAN PERCIKAN KERINGAT, CURAHAN TENAGA DAN TITISAN DARAH. PENGORBANAN PENUH KEIKHLASAN BERSALUT KEKENTALAN IMAN, DI ATAS DASAR HUBBUL WATAN MINAL IMAN. PENGORBANAN INI TIDAK AKAN LENGKAP TANPA KERJASAMA, BANTUAN DAN DOKONGAN DARI RAKYAT DI NEGARA INI, YANG INGIN MELIHAT TANAH AIR MEREKA SENTIASA DALAM KEADAAN AMAN DAMAI DAN PENUH KEBERKATAN. INI KERANA MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KEDAULATAN NEGARA, ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA. INI BERTEPATAN DENGAN PERINTAH ALLAH MELALUI AYAT 2 SURAH AL MAIDAH:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

YANG BERMAKSUD : *“DAN TOLONG-MENOLONGLAH KAMU DALAM (MENERJAKAN) KEBAJIKAN DAN TAKWA, DAN JANGAN TOLONG-MENOLONG DALAM BERBUAT DOSA DAN PELANGGARAN. DAN BERTAKWALAH KAMU KEPADA ALLAH, SESUNGGUHNYA ALLAH AMAT BERAT SIKSA-NYA”.*

PARA PAHLAWAN, PEJUANG DAN HADIRIN SEKALIAN,

6. HUBUNGAN ANTARA TENTERA DAN RAKYAT PADA HAKIKATNYA TELAH BERLAKU SEJAK WUJUDNYA KONSEP BERNEGARA, YANG MANA NEGARA DAN RAKYAT MENDAPAT PERLINDUNGAN KESELAMATAN DARIPADA TENTERA. SEJARAH HUBUNGAN INI BOLEH DITEMUI DI DALAM CATATAN OLEH **SUN TZU** (*THE ART OF WAR*) DAN **CLAUSEWITZ** (*ON WAR*). KEDUA-DUA PEMIKIR INI BERPENDAPAT, ORGANISASI TENTERA DILIHAT SEBAGAI SATU KEMESTIAN BAGI MENJAMIN KESELAMATAN RAKYAT, KEDAULATAN NEGARA DAN ‘*SURVIVAL OF THE STATES*’. WALAUPUN KETUMBUKAN TENTERA DILENGKAPI DENGAN PERALATAN PERANG YANG BERDAYA MUSNAH, DAN ANGGOTA-ANGGOTANYA DILATIH UNTUK BERPERANG BAGI MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA, TENTERA MEMPUNYAI FUNGSI MEMBANTU JENTERA KERAJAAN BERJALAN DENGAN LANCAR BAGI MELESTARIKAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT DAN RAKYAT. JUSTERU ITU FOKUS HUBUNGAN TENTERA DAN RAKYAT HARUS BERTUMPU KEPADA MENGOPTIMUMKAN TAHAP PROFESIONAL, ORGANISASI TENTERA DAN AWAM. INI MEMANDANGKAN KEDUA-DUA ORGANISASI MEMILIKI KEPAKARAN, TANGGUNGJAWAB DAN BUDAYA MASING-MASING.

7. TENTERA DARAT JUGA AKAN TERUS MELAKUKAN PELBAGAI PENYESUAIAN, AGAR DAPAT BERFUNGSI SECARA BERKESAN, SUPAYA ORGANISASI INI KEKAL RELEVEN DALAM RUANG LINGKUP IANYA BEROPERASI, BAGI MEMENUHI AMANAH MENJAGA KEAMANAN NEGARA. SEMUA INI ADALAH BERPAKSIKAN KEPADA PERINTAH ALLAH DAN RASULNYA, YANG

MEMERINTAHKAN AGAR PENGURUSAN ORGANISASI KHUSUSNYA ORGANISASI TENTERA, DILAKSANAKAN DENGAN PENUH SISTEMATIK DAN TERATUR, SEBAGAIMANA FIRMANNYA DIDALAM SURAH AL-SHAFF AYAT 4 :

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُورٌ

ARTINYA: SESUNGGUHNYA ALLAH MENYUKAI ORANG YANG BERPERANG DI JALANNYA DALAM BARISAN YANG TERATUR SEAKAN-AKAN MEREKA SEPERTI SUATU BANGUNAN YANG TERSUSUN KUKUH.

DAN SABDA BAGINDA SAW YANG BERMAKSUD “*SESUNGGUHNYA ALLAH MENCINTAI ORANG YANG JIKA MELAKUKAN SUATU PEKERJAAN DILAKUKAN DENGAN “TEPAT, TERARAH DAN TUNTAS”.*

PARA PAHLAWAN, PEJUANG DAN HADIRIN RAHIMAKUMULLAH.

8. TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA KEAMANAN, KEUTUHAN DAN KEDAULATAN NEGARA MEMERLUKAN KOMITMEN SEMUA LAPISAN RAKYAT, DAN TIDAK HANYA DIJALANKAN OLEH TENTERA SEMATA MATA. SECARA LOGIKAL, TUGAS MEMPERTAHANKAN NEGARA MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB PASUKAN KESELAMATAN, DAN KEWAJIPAN UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA PASUKAN BERKENAAN MAMPU MENGHADAPI CABARAN ADALAH TANGGUNGJAWAB NASIONAL. OLEH ITU, RAKYAT DI NEGARA INI PERLU DIPUPUK SEMANGAT PATRIOTISMENYA, DAN PERLU DITANAM SEMANGAT UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA DALAM APA JUA KEADAAN SEKALI PUN.

INILAH APA YANG DINAMAKAN SEBAGAI KONSEP PERTAHANAN MENYELURUH. IANYA ADALAH BERKAIT DENGAN USAHA YANG TOTAL DAN BERSEPADU, YANG DILAKSANAKAN OLEH SEMUA PIHAK DALAM MEMASTIKAN NEGARA KEKAL AMAN PADA SEBILANG MASA.

9. SEMPENA SAMBUTAN INI JUGA, MARILAH KITA MENINGKATKAN DAYA JUANG MASING-MASING. DALAM KONTEKS KINI, DAYA JUANG ADALAH MENJURUS KEPADA KUASA TERSEMBUNYI DALAM HATI MANUSIA, YANG MEMBUATNYA SANGGUP BERTERUSAN BEKERJA DAN BERFIKIR DENGAN PENUH KEAZAMAN DAN KEBERANIAN, WALAU APA KEADAAN PERSEKITARANNYA. MAKA SETIAP WARGA HENDAKLAH MENINGKATKAN KEPAKARAN DALAM SETIAP BIDANG YANG DICEBURI, SEBAGAIMANA DINYATAKAN DI DALAM KITAB FIQH JIHAD BAHAWA,

RASULLAH S.A.W TELAH MENYURUH SEKALIAN UMATNYA UNTUK MELATIH DIRI MEREKA SENDIRI DENGAN CARA MENGGUNAKAN SENJATA, HINGGA MEREKA MENDAPAT KEMAHIRAN MENGGUNAKANNYA. SEKIRANYA TIDAK, MAKA SENJATA-SENJATA ITU AKAN KEHILANGAN NILAINYA.

10. MAKA SUDAH PASTI DAYA JUANG YANG DISANDARKAN KEPADA KEIMANAN YANG JITU, AKAN MEMBENIHKAN KEBERKATAN DAN Diredhai OLEH ALLAH SWT, SEBAGAIMANA FIRMANNYA DI DALAM SURAH AL- IMRAN AYAT 160:

إِنْ يَنْصُرْكُمْ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ ۖ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ
مَنْ بَعْدِهِ ۖ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

*MAKSUDNYA: “JIKA ALLAH MENOLONG KAMU MAKA TIDAK ADA SESIAPA PUN YANG
AKAN DAPAT MENGALAHKAN KAMU; DAN JIKA IA MENGECEWAKAN KAMU, MAKA
SIAPAKAH YANG AKAN DAPAT MENOLONG KAMU SESUDAH ALLAH (MENETAPKAN
YANG DEMIKIAN)? DAN (INGATLAH), KEPADA ALLAH JUALAH HENDAKNYA ORANG
YANG BERIMAN ITU BERSERAH DIRI”.*

11. BAGI SELURUH WARGA TENTERA DARAT KHUSUSNYA DAN SELURUH RAKYAT DI NEGARA INI, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA KEMBALI MENGAMALKAN AJARAN ISLAM, SUPAYA KITA MENDAPAT PERTOLONGAN DAN PERLINDUNGAN ALLAH SWT. MUDAH-MUDAHAN DIKEKALKAN NIKMAT KEAMANAN DALAM KALANGAN KITA, DAN DIJAUHI SEGALA MALAPETAKA YANG BOLEH MENJEJASKAN USAHA UNTUK MEMBANGUNKAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ
اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.

KHUTBAH KEDUA

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ
الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ
عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالنَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ
وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا

مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيُّدِ بَدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي
يَغ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوك بَكِينِدَا يَغ دَقْرَتَوَان اِخْوَع ، السُّلْطَان عَبْدُ اللَّهِ
رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ
المُسْتَعِينِ بِاللَّهِ. وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوك بَكِينِدَا رَاجِ
قَرْمَايسُورِي اِخْوَع، (Tunku) تُونُكُو حَاجِه عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مَيْمُونَةُ إِسْكَندَرِيَّةُ
بُنْتِ المَرْحُومِ المْتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ
المُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنَا
مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ
المُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ
وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ المُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ،
مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ،
وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

YA ALLAH YA LATIF YA HAFIZ, KURNIAKANLAH RAHMAT DAN KEAMPUNAN
KEPADA KAMI SEKALIAN, PERKUKUHKAN PERPADUAN ANTARA KAMI SERTA
PERELOKKANLAH SEGALA URUSAN DUNIA DAN AKHIRAT, TAMBAHKAN ILMU
YANG BERMANFAAT, SUBURKANLAH JIWA KAMI DENGAN AKHLAK YANG MULIA,
REZEKIKAN KAMI DENGAN TAUFIK, HIDAYAH, RIAYAH DAN INAYAH,
LIMPAHKANLAH KESEJAHTERAAN, KESELAMATAN DAN KEBERKATAN KEPADA
ALIM ULAMA', PARA PEMIMPIN DAN RAJA-RAJA KAMI.

KAMI POHONKAN AGAR TENTERA DARAT MALAYSIA TERUS BERDIRI TEGUH
SEBAGAI TONGGAK UTAMA BENTENG PERTAHANAN NEGARA TERCINTA,
PAYUNG KESELAMATAN BUAT RAJA DAN RAKYAT JELATA.

HIDAYAH, INAYAH SERTA HAMPARAN BANTUANMU KAMI DAMBAKAN BUAT
KETUMBUKAN INI, AGAR ANGGOTA-ANGGOTANYA TERUS MEMPERKUKUHKAN
KESATUAN, MENINGKATKAN TAHAP PROFESIONALISME, MEMPERKASAKAN
KESIAGAAN, MEMANTAPKAN PENGURUSAN, MENINGKATKAN KUALITI HIDUP,
KOMITED DENGAN IKRAR KESATRIA DENGAN PENUH KEIKHLASAN, MENJITUKAN

CITA-CITA UNTUK HIDUP MULIA ATAU MATI SEBAGAI PAHLAWAN DAN PEJUANG
NEGARA.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.